

30/04/2004

Tun Dr Mahathir tepati janji 22 tahun dahulu

By Kadir Dikoh

SEBAIK tiba di pintu masuk Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kira-kira jam 8.20 malam Isnin lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kelihatan ceria.

Bekas Perdana Menteri itu senyum riang sebaik keluar dari kereta peribadinya, jenis Nissan President dengan nombor pendaftaran WLR 7070 sambil disambut oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Kehadiran mereka berdua untuk menghadiri Jamuan Majlis Penghargaan dan Terima Kasih Umno kepada Dr Mahathir yang dihadiri kira-kira 3,500 orang mewakili 191 bahagian Umno di seluruh negara, selain wakil parti komponen Barisan Nasional (BN).

Apabila lagu Umno dinyanyikan beramai-ramai sejurus kemudian, Dr Mahathir kelihatan sebak apatah lagi majlis itu bagaikan 'majlis perpisahan' untuknya, dengan lagu penutupnya pula Gelang Si Paku Gelang.

Selain Pak Lah, beberapa orang kenamaan lain yang duduk semeja dengan bekas Presiden Umno itu termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak cuma mampu melihat keadaan.

Sama ada air mata Dr Mahathir mengalir atau tidak ketika itu hanya dapat dikesan oleh mereka yang duduk dekat dengannya, terutama Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang duduk di sebelah kanan bekas Perdana Menteri itu.

"Hati Dr Mahathir mungkin tersentuh, tetapi saya tidak melihat sama ada beliau menangis kerana saya duduk di sebelah kanan dan Pak Lah di sebelah kiri Dr Mahathir, jadi saya tidak nampak," kata bekas Menteri Besar Selangor itu.

Turut duduk di meja sama ialah seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz; Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein; Ketua Puteri, Datuk Azalina Othman Said dan Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Ketika hadirin menjamu selera, klip video ditayangkan dengan menunjuk kejayaan negara pimpinan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun diiringi lagu Pahlawanku yang mengasyikkan.

Apapun, sesetengah pemimpin Umno termasuk pemimpin bawahan pada peringkat bahagian yang menghadiri majlis itu mungkin sudah terasa bahang pemilihan dalam parti. Tidak hairanlah, apabila sebahagian mereka kerap menerima salam sesama sendiri - salam pemilihan.

Mesyuarat bagi semua 19,000 cawangan Umno akan diadakan selama sebulan bermula 1 Jun ini, manakala persidangan untuk 191 bahagian dalam tempoh dua minggu antara 8 hingga 22 Julai.

Tarikh mesyuarat itu, yang turut menyaksikan pemilihan jawatankuasa baru, merangkumi pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri. Bagaimanapun, tarikh Perhimpunan Agung Umno belum dimuktamadkan, antara lain kerana tarikh September bertembung dengan pembentangan Bajet 2005.

"Pak Lah terpaksa membuat dua ucapan utama dalam tempoh terdekat iaitu ucapan sulung sebagai Presiden Umno dan ucapan bajet jika perhimpunan agung parti diadakan September. Bajet akan diadakan pada minggu pertama atau awal minggu kedua September," kata satu sumber.

Pilihan yang ada ialah sama ada untuk mengadakan perhimpunan itu pada Ogos atau Oktober ini, tetapi ia mesti diadakan sebelum Disember iaitu tarikh akhir berbuat demikian seperti diizinkan perlembagaan parti yang

memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi (MT) menanggungkannya selama 18 bulan saja.

Dr Mahathir dalam ucapannya pada majlis itu antara lain berkata, beliau tidak akan campur tangan dalam pemilihan Umno tidak lama lagi dan juga tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran.

"Saya sedar tak lama lagi kita terpaksa mengadakan pemilihan dalam parti. Saya tak nak bagi apa-apa nasihat dalam pemilihan pemimpin parti kerana saya telah janji kepada diri saya tidak akan campur tangan.

"Tetapi, saya yakin ahli dan pemimpin parti bijak dan tahu memelihara parti kerana parti lebih besar walau apa pun pangkat kita. Apa juga tindakan kita, kita mesti utamakan parti," katanya.

Dr Mahathir yang menerajui Umno lebih 22 tahun sebelum melepaskan jawatannya dalam kerajaan dan parti Oktober lalu, memuji Pak Lah dengan menyatakan bahawa kemenangan besar Umno dan BN pada pilihan raya umum membuktikan Pak Lah seorang pemimpin yang baik serta mampu membawa negara ke masa depan yang lebih cerah.

"Bila saya hendak mengundurkan diri, ramai yang kata kononnya kalau saya tidak ada, BN tidak akan mendapat kemenangan yang besar, tetapi saya tahu itu tidak benar. Kini BN mendapat lebih 90 peratus kerusi yang dipertandingkan.

"Kalau saya tahu ini akan berlaku saya akan mengundur diri lebih awal," katanya selamba.

Pak Lah dalam ucapannya pula turut memuji Dr Mahathir dan menyatakan bahawa bekas Perdana Menteri telah mengorbankan diri untuk kemajuan parti dan negara.

"Beliau masih berkhidmat kerana ia sudah menjadi darah dagingnya untuk menyumbang idea bagi membangunkan negara dan orang Melayu khususnya," katanya.

Pak Lah juga berkata, beliau akan menyerahkan Umno sebagai parti yang kuat kepada penggantinya apabila tiba masanya nanti seperti mana dilakukan Dr Mahathir.

Pemangku Presiden Umno itu berkata, doa Dr Mahathir ketika mula memimpin parti pada 1981 iaitu untuk menyerahkan Umno dalam keadaan mantap kepada pengganti, termakbul.

"Allah makbulkan doa Tun dan hasratnya itu tercapai. Umno hari ini adalah parti yang kuat dan dihormati. Buktinya dalam pilihan raya umum lalu, Umno menang banyak kerusi. Saya pun mempunyai niat yang sama... bila tiba masanya nanti saya serah kepada pengganti, Umno juga berada dalam keadaan kuat dan kukuh," katanya.

Dr Mahathir menyerahkan parti yang kukuh kepada Abdullah - menepati janji beliau 22 tahun sebelum itu selepas mengambil alih jawatan Presiden daripada Tun Hussein Onn yang berbunyi:

"Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan Umno kepada pemimpin yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu seperti mana yang telah saya terima. Inilah doa saya kepada Tuhan Rabbulalamin dan inilah juga yang saya mohon saudara saudari doakan bersama." Itulah antara kandungan ucapan pertamanya selaku Presiden Umno pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 1981.

Di sinilah kelebihan Umno dan terbukti peralihan kuasanya berjalan licin dan teratur.

Selepas majlis itu berakhir, kosonglah Dewan Tun Razak. Sebaliknya, restoran Riverside di PWTC pula penuh dan sebahagian mereka bersembang sambil minum di restoran atau coffee house di Hotel Pan Pacific berdekatan.

Tak mengapa kerana peraturan `Soal Jawab Perlembagaan & Garis Panduan Pemilihan Umno 2004 (Bahagian-Bahagian & Cawangan)' yang dikeluarkan ibu pejabat parti hanya berkuat kuasa apabila mesyuarat serta pemilihan untuk

cawangan dan bahagian bermula 1 Jun ini.

Garis panduan itu antara lain menyebut bahawa ahli dilarang menganjurkan sebarang perhimpunan, pertemuan, jamuan dan majlis bersabit dengan pemilihan jawatan.

Mereka juga dilarang daripada mengeluarkan derma atau apa-apa bantuan kepada bahagian dan cawangan untuk tujuan mendapat sokongan atau mempengaruhi di dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihak sendiri atau bagi pihak orang lain.

Mungkin mereka yang bersembang malam itu semata-mata untuk berjumpa kawan lama dari bahagian lain atau `sembang kosong' untuk meninjau siapa nak tanding jawatan Naib Presiden.

"Kita pun manusia biasa, tidak salah menjamu kawan lama atau yang baru dikenali di coffee house. Perkara macam ini akan terus berlaku, tetapi saya harap Lembaga Disiplin tidak menganggapnya sebagai berkempen," kata seorang ketua bahagian dari Perak.

(END)